

D288

U B349 DEB

1984

MAHATHIR - PAS

BUTTERWORTH, 18 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI, DATUK SERI D.P. MAHATHIR MOHAMAD MENGECAHTINDAK-TANDUK PARAPEMIMPIN PARTI PAS YANG BUKAN SAHAJA TIDAK TAKUT AKAN TUHAN DENGAN MEMUTARBELITKAN AJARAN ISLAM TETAPI JUGA INGIN MELIHAT ORANG-ORANG MELAYU GAGAL DALAM BIDANG EKONOMI.

PERDANA MENTERI BERKATA PAS TIDAK MAHU ORANG-ORANG MELAYU MAJU KERANA INI AKAN MEMBUATKAN PARTI ITU HILANG PENGARUHNYA APABILA RAKYAT SUDAH DAPAT BERFIKIR DAN MENOLAK HUKAH-HUKAH PALSU MEREKA.

BERUCAP MERASMIKAN EKSPLO USAHAWAN BUMIPUTERA DI KEPALA BATAS KIRA-KIRA 16 KM DARI SINS HARI INI, BELIAU MENGESAS SELURUH ANGGOTA UMNO DAN RAKYAT, KHUSUSNYA ORANG ISLAM SUPAYA BANGUN SEMULA MENENTANG PAS SEBAGAIMANASEWAKTU MEREKA MENENTANG PENJAJAH DAHULU KATANYA, SEBAGAI SEORANG ISLAM YANG BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP AJARAN-AJARAN ISLAM YANG SEBENAR, RAKYAT TERUTAMANYA ANGGOTA UMNO, TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI TERHADAP TINDAK-TANDUK PARA PEMIMPIN PAS YANG CUBA MELEMAHKAN UMNO ITU.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA JIKA UMNO LEMAH MAKA KEDUDUKAN ORANG-ORANG MELAYU DI NEGARA INI AKAN TERANCAM.

BELIAU BERKATA WALAUPUN KEADAAN EKONOMI ORANG-ORANG MELAYU TELAH BERTAMBAH BAIK MELALUI DASAR EKONOMI BARU (DEB), BANYAK LAGI PERKARA YANG PERLU DIBUAT UNTUK MELETAKKAN MEREKA SETARAF DENGAN KAUM-KAUM LAIN.

MALANGNYA, KATA BELIAU DALAM KERAJAAN BERUSAHA KE ARAH ITU, PARA PEMIMPIN PAS PULA BERUSAHA MENGGAGALKANNYA DAN TIDAK MAHU MENGIKTIRAF BAHAWA USAHA KERAJAAN UNTUK MEMAJUKAN EKONOMI ORANG-ORANG ISLAM SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA AJARAN ISLAM.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA SEBALIKNYA PARA PEMIMPIN PAS ITU HANYA PANDA1 Mencari HADIS-HADIS DAN MENGAMBIL AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN YANG TERTENTU BERTUJUAN UNTUK MEMPENGARUHI PEMIKIRAN ORANG-ORANG MELAYU KONONNYA SEGALA YANG DILAKUKAN OLEH KERAJAAN TIDAK MENURUT AJARAN ISLAM.

BELIAU BERKATA PARAPEMIMPIN PAS MENGAMBIL KATA-KATA SESEORANG PEMIMPIN ISLAM DI NEGARA-NEGARA ASING DAN MENGGANGGAPNYA SEBAGAI HADIS MALAH TELAH MENCETAK BUKU BERKENAAN LALU MENYEBARKANNYA.

TINDAK-TANDUK MEREKA INI TERNYATA MENYELEWENG DARIPADA AJARAN ISLAM SEBENAR, KATANYA.

PARA PEMIMPIN PAS, TAMBAH BELIAU TIDAK MEMPEODULIKAN BAHWA ADA MEREKA MENYALAH-TAFSIRKAN AYAT-AYAT SUCI AL-QURAN ATAUPUN TIDAK KERANA MEREKA LEBIH BERMINAT UNTUK MENDAPATKAN KUASA DENGAN MEMPENGARUHI ORANG RAMAI MELALUI HUKAH-HUKAH PALSU MEREKA.

PERBUATAN MEREKA ITU TELAH DAPAT MENAWAN HATI DAN FIKIRAN SEBAHAGIAN DARIPADA ORANG-ORANG MELAYU SEHINGGA MENIMBULKAN PECAH BELAH DALAM MASYARAKAT MELAYU DAN MENYEKAT KEMAJUAN UMAT ISLAM.

OLEH ITU, KATA BELIAU SELURUH RAKYAT YANG BERAGAMA ISLAM, UMNO DAN KERAJAAN TIDAK BOLEH BERDIAM DIRI TERHADAP PERBUATAN MEREKA ITU.

APABILA ORANG-ORANG MELAYU MUNDUR DALAM EKONOMI, PARAPEMIMPIN ITU AKAN MENYALAHKAN KERAJAAN KONONNYA TIDAK BERUSAHA MEMAJUKAN ORANG-ORANG ISLAM DAN AKAN BERHUKAH PULA BAHAWA ISLAM MENUNTUT PEMBANGUNAN.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENYIFATKAN PARA PEMIMPIN PAS SEPERTI + ULAR LIDAH BER CABANG + KERANA BERCAKAP DENGAN MEMUTARBELITKAN KEBENARAN SEOLAH-OLAH MEREKA MEMPERJUANGKAN ISLAM SEDANGKAN

TINDAK-TANDUK MEREKA SEBENARNYA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN, MASYARAKAT.

PERBUATAN SEUMPAMA INI ADA'PADA ORANG-ORANG MUNAFIK, TAMBAH BELIAU.

PERDANA MENTERI SEBELUM ITU MENGGESA SYARIKAT-SYARIKAT KECIL BUMIPUTERA YANG MEMPUNYAI KEMAHIRAN DALAM BIDANG PEMBUATAN MENDAPATKAN KEPAKARAN DALAM BIDANG PENGURUSAN DAN PEMASARAN.

BELIAU MINGGATKAN BAHAWA KEBDLEHAN MENGELUARKAN SESUATU BARANGAN TIDAKBERMAKNA SESEBUAH SYARIKAT BOLEH MAJU KERANA MEREKA TERPAKSA BERSAING DENGAN SYARIKAT-SYARIKAT BESAR YANG MEMPUNYAI, SISTEM PENGURUSAN DAN PEMASARAN YANG JAUH LEBIH MAJU.

PERDANA MENTERI JUGA MENGGESA PARA PENGUSAHA BUMIPUTERA MENCEBURI BIDANG-BIDANG PEMBUATAN YANG KURANG DICEBURI AGAR MEREKA TIDAK MENGHADAPI MASALAH MEMASARKAN BARANGAN MEREKA.

PARA PENGUSAHA KECIL BUMIPUTERA TIDAK SEHARUSNYA BERASA KECIL HATI KERANA TIDAK DAPAT MENEMBUSIPASARAN YANG LEBIH LUAS, TETAPI SEBALIKNYA HENDAKLAH MENDAPATKAN BANTUAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN YANG CEPAP DARIPADA SYARIKAT-SYARIKAT BESAR. -- LAGI

1759MST 18 1184

UB313

UB361 DEB

MAHAHTIR - PAS BUTTERWORTH

SEBELUM ITU, KETUA MENTERI, DR. LIM CHONG EU JUGA MENYERU PARA USAHAWAN BUMIPUTERA MENEROKAI BIDANG-BIDANG YANG MASIH KURANG DICEBURI OLEH MEREKA TERUTAMA DALAM SEKOR PERUSAHAAN, PEMBUATAN DAN PELANCONGAN.

KATANYA, MEREKA TIDAK HARUS BERPUASHATI SEBAGAI PARA PENIAGA BUMIPUTERA YANG HANYA BERKECIMPUNG DALAM PERNIAGAAN SECARA KECIL-KECILAN:

BELIAU BERKATA KERAJAAN NEGERI AKAN TERUS MENGGALAKKAN DAN MENYOKONG SEGALA USAHA YANG DAPAT MENINGKATKAN PENGLIBATAN BUMIPUTERA DALAM SEKTOR EKONOMI DI DALAM NEGERI INI.

MELALUI PERBADANAN PEMEANGUNAN PULAU PINANG (PDC) PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM SEMUA RANCANGAN PEMBANGUNAN SOSIAL DAN EKONOMINYA AKAN DIPASTIKAN UNTUK MEMENUHI DEB.

DR. LIM BERKATA BUMIPUTERA JUGA DIGALAKKAN MENYERTAI SEKTOR KORPORAT DENGAN AKTIF SECARA USAHASAMA DALAM BEBERAPA BUAH SYARIKAT.

-- BERNAMA